

PENEMUAN TERKINI BUKTI KEBUDAYAAN MEGALITIK DAN PENGEBUMIAN TEMPAYAN DI SABAH

(RECENT FINDINGS ON MEGALITHIC CULTURE AND JAR BURIAL IN SABAH)

**Yunus Sauman Sabin, Adnan Jusoh, Muhammad Termizi Hasni
& Zuliskandar Ramli**

Abstrak

Kajian mengenai kebudayaan megalitik di Sabah telah pun dilakukan oleh beberapa pengkaji terdahulu seperti Tom dan Barbara Harrisson serta Peter R. Phelan. Kajian mereka tertumpu kepada tinggalan batu megalit di kawasan pantai barat dan pedalaman seperti di Penampang, Tambunan dan Keningau. Kesemuanya boleh dikategorikan sebagai kawasan kediaman masyarakat Kadazandusun yang sinonim dengan aktiviti pertanian padi sawah. Masih belum ada kajian terhadap tinggalan batu megalit yang terdapat di kawasan pergunungan yang sinonim dengan masyarakat Kadazandusun yang menanam padi bukit. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan satu penemuan baharu mengenai tradisi megalitik di Kampung Bundu Gulu dalam daerah Tuaran, Sabah yang mewakili masyarakat Kadazandusun yang tinggal di kawasan pergunungan. Kajian ini penting untuk melihat sama ada terdapat perbezaan daripada segi bentuk, seni dan fungsi batu megalit dalam kalangan pengamalnya di Sabah. Memandangkan batu megalit tersebut ditemui bersama-sama dengan kubur tempayan maka pengkaji membincangkannya secara bersama dalam kajian ini. Untuk itu, pengkaji telah melakukan satu survei lapangan di samping temubual terhadap individu yang berautoriti di kawasan tersebut. Hasilnya pengkaji mendapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya 5 lokasi batu megalit dan 6 kubur tempayan ditemui di kawasan tersebut.

Kata kunci: Megalitik, Pengebumian Tempayan, Sabah

Abstract

Research on megalithic culture in Sabah have been done by several researchers such as Tom and Barbara Harrison and also Peter R. Phulan. Their research was focus on megalithic rock existed along the west coast of Sabah and also in the inland area such as in Penampang, Tambunan and Keningau. The areas were associated with settlement of Kadazandusun community which are synonym with rice cultivation activity. Until now, there is no research has been done on the remain of megalithic rock on the mountain area which also synonym with Kadazandusun community who practiced hill rice cultivation. Therefore, this research will discuss about a new finding on megalithic tradition in Kampung Bundu Gulu of Tuara District, Sabah and the community lived in the village representing of Kadazandusun peoples who settled on the mountain ares. This research is very important to indicate any differences in term of shape, arts and functions of megalithic rock among practitioners in Sabah. The megalith rocks were found along with jar burials, therefore the findings of megalithic rock and jar burials will be discussing together. A field

survey and also interviews on authority individual was done in the area. The findings show that there is five megalith rocks and six jar burials found in the area.

Keywords: *Megalithic, jar burial, Sabah*

Pengenalan

Kebudayaan megalitik merupakan satu budaya yang bersifat sejagat. Ia ditemui dalam kalangan pelbagai bangsa di seluruh dunia. Kebudayaan megalitik wujud dalam bangsa Caucasoid di Eropah, Monggoloid di Timur dan bangsa Semitik di Asia Barat. Di Alam Melayu juga tidak kurang hebatnya. Di tanah besar Asia Tenggara, kebudayaan megalitik dijumpai di Laos sementara di kepulauan Asia Tenggara, ia dijumpai di hampir keseluruhan tempat termasuk Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, pulau-pulau kecil di Nusa Tenggara dan juga di kepulauan Filipina. Jenis megalitik yang terdapat di Alam Melayu memperlihatkan kepelbagaiannya. Ini termasuklah menhir, dolmen, peti batu, *slab grave*, waruga, punden berundak dan sebagainya. Walau bagaimanapun daripada segi jenis penyusunan seperti bulatan dan alignment, seperti yang dijumpai di England dan Romania tidak dijumpai di Asia Tenggara.

Di Malaysia sendiri, kebudayaan megalitik dijumpai di Semenanjung Malaysia seperti di Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dan Perak. Ia turut dijumpai di wilayah Sabah dan Sarawak. Ini termasuklah kawasan pantai barat Sabah seperti di Kota Belud, Tuaran, Penampang dan Papar, kawasan pedalaman seperti di Tambunan, Keningau, Sapulut, Tenom dan Long Pasia. Di Sarawak, kebudayaan megalitik dijumpai di bahagian utara dan selatan Sarawak seperti di Long Semadoh dan Santubong. Jenis megalitik di Malaysia Timur bersifat lebih pelbagai jika dibandingkan dengan megalitik yang dijumpai di Semenanjung Malaysia. Ia terdiri daripada menhir, dolmen dan batu berukir (batu gambar).

Kajian megalitik di Sabah telahpun bermula semenjak tahun 1950-an lagi oleh Tom dan Barbara Harrisson apabila mereka membuat penjelajahan arkeologi di Sabah. Hasil daripada penjelajahan tersebut telah dimuatkan dalam satu penerbitan yang dianggap sebagai paling komprehensif mengenai arkeologi Sabah iaitu *The Prehistory of Sabah*. Namun begitu, memandangkan penulisan tersebut mencakupi aspek geologi dan keseluruhan zaman prasejarah di Sabah malah sehingga awal sejarah, maka aspek berkaitan kebudayaan megalitik secara komparatifnya menjadi sangat kecil. Bermula pada tahun 80-an, Peter R. Phelan juga telah memulakan kajiannya terhadap sebahagian kebudayaan masyarakat pribumi di Sabah terutamanya aktiviti memburu kepala yang mempunyai perkaitan dengan tradisi megalitik (Phelan 1994). Pada tahun 1997, beliau sekali lagi menerbitkan buku yang berkaitan khusus dengan kebudayaan megalitik di Sabah yang berjudul "*Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*" (Phelan 1997).

Kedua-dua penyelidikan tersebut hampir mengulangi antara satu sama lain. Tom dan Barbara Harrisson menyatakan kehadiran batu megalitik dalam kalangan masyarakat pribumi di pantai barat Sabah khususnya di daerah Tuaran, Penampang dan Papar, Peter R. Phelan juga menyatakan perkara yang sama. Cuma, Peter R. Phelan memberikan pemaparan yang lebih mendalam dengan menghuraikan asal-usul serta fungsi setiap batu megalitik yang ditemui dan menambah penemuan baharu di kawasan pedalaman Sabah seperti di Tambunan, Keningau dan Sapulut. Antara tapak penemuan baharu yang disebutkan oleh Phelan adalah seperti Kampung Kituau, Kampung Gunging dan Kampong Kurai di Penampang, gugusan tapak megalitik di Kampung Tebilong, Tambunan dan juga penemuan batu megalitik yang berfungsi sebagai batu sumpah di Tambunan, Pensiangan dan Inanam.

Selain daripada kajian yang dilakukan oleh Harrisson dan Phelan ini terdapat juga beberapa penulisan sama ada dalam jurnal, buletin dan surat khabar tetapi penulisan tersebut sangat ringkas dan tidak bersifat ilmiah. Antaranya ialah "The Menhir of Sabah" (Chandran 1978), "Stone and Totem Poles" (Colman 1992), "Batu Bajau Legend" (Insing 1971), "Megalithic Remains of North Borneo" (Keith 1947), "The Batu Sumpah of Keningau" (Lind 1991), "Batu Hidup" (Pung Chen

Choon 1978), “Ancient Stones Inspired Trespasses with Fear” (Regis 1977), “Federal Minister Unveils Oath Stone in Keningau” (Sabah Times 1964) dan “Marker Stones (The Borneon Bulletin 1978). Kesemua penulisan ini hanya terdiri daripada satu atau dua halaman sahaja, malah ada juga penulisan yang hanya setengah muka surat. Namun begitu, penulisan tersebut tetap dianggap penting kerana ia menggambarkan bahawa budaya dan tradisi megalitik di Sabah memang wujud terutamanya dalam kalangan masyarakat pribumi (Kadazandusun dan Murut) serta ia menjadi bahan perakaman kepada penemuan dan aktiviti yang dilakukan yang terkait secara langsung dengan tradisi tersebut.

Penulisan secara tidak langsung yang menyentuh tentang budaya dan tradisi megalitik di Sabah juga telah dilakukan. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Evans (1912 & 1953). Meskipun dalam kajian tersebut beliau menekankan tentang kepercayaan masyarakat Kadazandusun di daerah Tuaran dan Tempasuk (Kota Belud) tetapi secara tidak langsung beliau juga menyentuh tentang adat dan pantang larang yang berkaitan dengan tradisi megalitik kerana mendirikan batu-batu besar merupakan salah satu kepercayaan mereka.

Kalau dilihat kepada kesemua kajian dan penulisan tersebut, perbincangan tentang budaya dan tradisi megalitik di Sabah boleh dibahagikan kepada beberapa aspek seperti berikut: taburan, jenis dan bentuk, asal-usul, fungsi, adat dan pantang larang. Secara ringkasnya, megalitik di Sabah boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu menhir dan batu gambar atau batu berukir. Jenis menhir adalah yang paling banyak ditemui dan paling banyak variasi daripada segi bentuk dan saiz. Sementara batu gambar hanya ditemui di kawasan pedalaman khususnya di Ulu Tomani dan Long Pasia.

Penemuan Terbaharu

Pada bulan Mac 2018 yang lalu, penyelidik telah menjalankan satu survei di Kampung Bundu Gulu (Kampung Bundu yang terdahulu) dalam daerah Tuaran bersama-sama dengan dua orang penduduk kampung yang juga menjadi informan. Survei ini dijalankan berdasarkan kepada ingatan penyelidik sendiri dan maklumat yang diberikan oleh penduduk kampung bahawa terdapat beberapa tinggalan megalitik di kampung tersebut berserta tempayan sebagai objek pengebumian. Kampung yang terletak dalam daerah Tuaran ini berada kira-kira 30 km dari pekan Tamparuli ataupun 60 km dari Bandar Kota Kinabalu.



Peta 1. Kedudukan Daerah Tuaran iaitu kawasan penemuan tapak megalitik dan kubur tempayan di Sabah.

Survei Lapangan

Kaedah survei yang dijalankan adalah secara konvensional iaitu dengan mengadakan lawatan tapak dan survei peta. Penyelidik mengambil masa 2 hari untuk melengkapkan survei lapangan ini memandangkan jarak perjalanan dalam hutan yang jauh iaitu 16 km secara berjalan kaki dan perlu melalui permukaan bumi yang bergunung ganang.

Tapak Megalitik 1 (TM1) - 6°10'23.6"N; 116°24'53.9"E

Tapak ini merupakan tapak megalitik yang paling dekat dengan kawasan kampung yang berhampiran iaitu Kampung Kibambangan kira-kira 3 km. Hanya terdapat satu sahaja batu megalitik di tapak ini. Batu megalitik di tapak ini juga merupakan yang paling besar dan ia daripada jenis menhir. Ia mempunyai ketinggian 2.4 m, 1.2 m lebar dan 0.6 m tebal. Menurut informan (Dumat bin Unding), pada asalnya batu megalitik ini telah berada dalam keadaan rebah disebabkan oleh faktor alam semula jadi iaitu hakisan tetapi telah ditegakkan semula oleh En. Musa bin Santan sewaktu membina jalan tanah merah di kawasan tersebut.

Menhir ini adalah daripada jenis batu pasir halus (batuan sedimen) yang dipotong ataupun terkopek secara semulajadi sehingga membentuk sebuah bongkahan menirus. Permukaan asal batu masih jelas kelihatan, begitu juga dengan permukaan bahagian dalam. Berdasarkan kepada maklumat lisan yang diperolehi, batu megalitik ini berfungsi sebagai *tingolig* atau penjaga dan pelindung. Apa yang dimaksudkan dengan penjaga di sini ialah, penjaga secara spiritual kepada penduduk kampung daripada segala bentuk bencana, malapetaka, penyakit berjangkit dan niat jahat orang luar terhadap mereka. Ini sangat bersesuaian dengan kedudukan menhir tersebut di bahagian paling luar kawasan Kampung Bundu Gulu yang asal dan laluan utama untuk masuk ke kampung.



Gambar 1: Batu megalitik 1 dilihat daripada bahagian hadapan (permukaan asal batu)



Gambar 2. Batu megalitik 2 dilihat daripada sisi belakang iaitu bahagian dalam pecahan batu.

Tapak Megalitik 2 (TM2) - 6°10'30.5"N; 116°25'04.9"E

Batu megalitik di tapak ini juga merupakan jenis menhir tetapi jauh lebih kecil berbanding TM1. Ia diambil daripada jenis batuan yang sama iaitu batu pasir halus. Daripada segi saiznya, ia hanya mempunyai ketinggian 30 cm dari paras tanah, 13 cm lebar dan 12 cm tebal. Menhir kecil ini juga berfungsi sebagai *tingolig* dan disebut sebagai *tingolig di yonggo* dalam bahasa Kadazandusun. *Tingolig* bermaksud pelindung dan *yonggo* ialah nama orang yang mendirikan. Sehingga tahun 40-an, acara menjamu batu tersebut masih dilakukan iaitu dengan menyembelih binatang seperti babi dan ayam dan darahnya dialirkan di atas batu tersebut berserta bacaan mantera. Tujuannya adalah untuk menjamin kelangsungan fungsinya sebagai pelindung secara spiritual kepada perkara yang tidak baik daripada masuk ke dalam kawasan kampung. Walau bagaimanapun sudah mula berkurangan apabila kampung ini mula ditinggalkan pada tahun 60-an dan ditinggalkan sepenuhnya pada tahun 80-an.



Gambar 3. Batu megalitik 2 yang bersaiz kecil.

Tapak Megalitik 3 (TM3)

Di tapak megalitik 3 ini, terdapat 5 ketul batu megalitik yang dipercayai telah dialihkan dari lokasi asalnya oleh pengunjung kemudian. Kesemua objek megalitik ini adalah daripada jenis menhir dan mungkin mempunyai fungsi yang sama dengan objek megalitik di TM1 dan TM2. Pada hari ini, kesemua 5 objek megalitik itu diletakkan di bawah sebuah pondok dan dijadikan sebagai alas bangsal. Daripada pemerhatian pengkaji mendapati bentuknya menyerupai objek megalitik di TM2. Saiznya juga lebih kurang sama dengan TM2. Ia kelihatan lebih bersih kerana terlindung daripada hujan dan selalu disentuh manusia.



Gambar 4. Salah satu daripada objek megalitik di TM3 yang mempunyai bahagian dasar yang lebih lebar.



Gambar 5. Sebahagian daripada 5 objek megalitik di TM3


Tapak Megalitik 4 (TM4)

Tapak ini sebenarnya bukanlah tempat peletakan atau tempat megalitik didirikan tetapi merujuk kepada tempat objek megalitik itu diambil. Oleh kerana masih banyak blok batu yang telah disiapkan tetapi ditinggalkan di lokasi ini maka pengkaji menyenaraikannya sebagai salah satu tapak megalitik. Tempat ini dikenali oleh penduduk kampung sebagai Natu yang bermaksud “jatuh” merujuk kepada air yang jatuh. Tempat ini merupakan sebuah air terjun kecil yang memperlihatkan permukaan batuan sedimen yang terdedah dan kemudiannya patah secara semula jadi dan bertaburan di atas lantai tanah. Batuan yang patah ataupun dipatahkan ini kemudiannya dipotong

dengan kaedah tradisional untuk membentuk sebatang batu untuk dibawa ke lokasi tertentu. Kebanyakan bentuk batu yang dihasilkan adalah seperti beruti dengan ukuran 10-12 cm lebar dan 10 cm tebal serta panjang antara 50-100 cm. Apa yang menarik ditemui di kawasan ini selain daripada batuan asal yang menjadi sumber dan masih berada in-situ ialah blok batuan yang telah dibentuk tetapi masih belum diangkat dan juga kesan pahatan pada batu berbentuk seperti bendul pintu.



Gambar 6



Gambar 7

Gambar 6 & 7. Variasi blok batuan yang dihasilkan dan ditinggalkan di lokasi dan masih lagi in-situ.



Gambar 8



Gambar 9

Gambar 8 & 9: Gambar 8 menunjukkan bendul batu dengan kesan pahatan dan Gambar 9 adalah blok batu yang dihasilkan tetapi ditinggalkan.

Tapak Megalitik 5 (TM5)

Tapak ini terletak di atas puncak permatang banjaran kecil antara puncak Bogung dan Tubou yang juga merupakan sempadan antara Daerah Tuaran dan Kota Belud. Sebelah utara permatang adalah Daerah Kota Belud dan sebelah selatannya adalah Daerah Tuaran. Bahan objek megalitik di tapak ini juga adalah sama dengan tapak megalitik yang lain di sekitarnya iaitu batuan sedimen daripada jenis batu pasir. Ia diperbuat daripada bongkahan batu yang telah dipotong sehingga membentuk seperti *cushion* dan disusun sebanyak 7 lapisan. Menurut informan (Ani binti Galais), batu tersebut dipercayai merupakan 7 orang kampung pada zaman dahulu yang telah dihukum oleh Tuhan menjadi batu kerana mempersenda-sendakan binatang. Kisahnya ialah, 7 orang yang sedang mencari kutu tiba-tiba disambar petir dan bertukar menjadi batu setelah mereka bergelak tawa melihat kutu yang dipicit di atas batu menghasilkan bunyi yang kuat.

Dongeng yang dikisahkan itu sebenarnya hanya merupakan satu pengajaran kepada masyarakat secara umum bahawa mempersenda-sendakan makhluk lain adalah dilarang dan dianggap sebagai taboo meskipun yang dipersenda-sendakan itu hanyalah binatang. Masyarakat Kadazandusun memang kaya dengan kisah dongeng yang berbentuk pengajaran seperti ini, sebab itulah menjadi pantang larang kepada mereka untuk tidak mempersenda-sendakan binatang. Oleh yang demikian, pengkaji melihat bahawa antara fungsi megalitik dalam masyarakat ini ialah sebagai satu tanda peringatan untuk mengajar generasi akan datang tentang sesuatu perkara yang sekiranya dilanggar boleh mendatangkan malapetaka.



Gambar 10. 7 lapis batu yang disusun di atas puncak permatang bukit berketinggian melebihi 800 meter dari paras laut.



Peta 2. Lokasi dan kedudukan tapak penemuan baharu di Kampung Bundu Gulu dalam daerah Tuaran.



Peta 3. Lokasi tapak penemuan berdasarkan imej satelit. Kampung Bundu Gulu yang telah bertukar menjadi hutan rimba kerana telah ditinggalkan semenjak pertengahan abad-20.

Pengebumian Tempayan

Masyarakat Kadazandusun di kampung ini juga sinonim dengan budaya pengebumian tempayan. Walau bagaimana tradisi ini telahpun ditinggalkan secara perlahan-lahan semenjak mereka menganut agama Kristian pada tahun 60-an. Meskipun menurut orang kampung, terdapat banyak tinggalan tempayan kubur di kawasan tersebut dan pengkaji juga pernah menyaksikannya pada pertengahan 80-an dahulu tetapi apa yang dibincangkan dalam kertas kerja ini hanyalah sebahagian kecil sahaja yang ditemui sewaktu penjelajahan dilakukan. Kebanyakan kubur tempayan telahpun tertimbus dan sukar ditemui apatah lagi keadaan kawasan sudah menjadi hutan dan semak samun. Tambahan pula pada hari ini semakin sedikit informan yang masih mengingati lokasi pengebumian tempayan tersebut.

Pengkaji memaparkan 2 lokasi pengebumian tempayan yang berbeza iaitu yang pertama di Kampung Bundu Gulu yang dijumpai bersama-sama dengan tinggalan objek megalitik dan keduanya di Kampung Rungus, Tamparuli. Kedua-duanya di kawasan pedalaman daerah Tuaran. Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji juga, ada 2 kaedah dalam pengebumian tempayan di kawasan ini iaitu pengebumian primer dan pengebumian sekunder. Perbezaan ketara antara kedua-dua kaedah tersebut adalah seperti berikut:

1. Pengebumian primer – tempayan dipotong di bahagian bahunya untuk membolehkan mayat dimasukkan ke dalam tempayan.
2. Pengebumian sekunder – Tempayan tidak dipotong kerana hanya tulang rangka sahaja yang dimasukkan setelah mayat disimpan di tempat tertentu dalam tempoh tertentu. Oleh kerana tempayan ini tidak dipotong maka bahagian dasar tempayan dibocorkan dengan kaedah menebuk lubang untuk menghilangkan nilainya jika ia dicuri.

Sekurang-kurangnya terdapat 5 lokasi tapak pengebumian tempayan di Kampung Bundu Gulu dan hanya satu sahaja ditemui di Kampung Rungus. Di setiap lokasi juga hanya sebuah sahaja tempayan yang dijumpai dan kesemuanya dalam keadaan tidak sempurna. Tidak terdapat sebarang kesan sisa rangka manusia di kesemua tempayan kerana mungkin faktor usia kubur yang terlalu lama, tulang-tulangnya telah hancur dan terganggu. Daripada segi tempayan yang digunakan juga tidak menunjukkan berasal dari China.

Kubur Tempayan 1 (KT1)

Di lokasi ini, kuburnya dalam keadaan rosak dan sangat terganggu. Separuh bahagian badannya masih tertanam dan kelihatan ada air bertakung bercampur dengan sampah hutan. Bahagian atas badan tempayan terpecah dua. Sebahagiannya masih in-situ tetapi bahagian yang satu lagi teralih ke sisi. Tempayannya juga telah dipenuhi dengan lumut, oleh itu tidak dapat dipastikan jenisnya. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa ia bukan daripada jenis berglais / bersepuh. Kualiti agak rendah. Saiznya sederhana besar dengan diameter bahagian yang paling lebar ialah 47 cm. Memandangkan tempayan ini telah dipotong di bahagian bahunya maka tempayan ini digunakan sebagai pengebumian primer.



Gambar 11. Tempayan kubur yang pecah, terganggu dan tidak terurus.

Kubur Tempayan 2 (KT2)

Tapak ini juga sama seperti KT1, terbiar dan tidak terurus kerana telah ditinggalkan selama berpuluh tahun atau mungkin ratusan tahun. Walau bagaimanapun, tempayannya masih sempurna, tiada kecacatan. Ketika survei dijalankan, tempayan ini telah diseliputi dengan lumut dan penuh dengan air. Daripada segi saiz sebenarnya tidak dapat dipastikan kerana sebahagian daripadanya masih tertanam. Cuma, bahagian bahunya yang paling lebar adalah sama dengan saiz KT1. Walau bagaimanapun, saiz bahagian bibirnya agak kecil iaitu hanya 12 cm.

Memandangkan tempayan ini dipenuhi dengan air, pengkaji menjangkakan bahawa ia masih sempurna, tidak dipotong dan bahagian dasarnya tidak dibocorkan. Oleh itu timbul persoalan sama ada tempayan ini dijadikan sebagai wadah pengebumian ataupun tidak. Sekiranya tidak dipotong, mayat tidak dapat dimasukkan ke dalam tempayan dan sekiranya hanya sisa rangka sahaja yang dimasukkan, juga akan mustahil kerana saiz mulut tempayan yang kecil tidak membolehkan tengkorak kepala untuk dimasukkan. Justeru itu, ada beberapa kemungkinan yang boleh dihubungkan dengannya iaitu:

- i) Tempayan ini merupakan kubur kepada mangsa pemenggalan kepala yang biasa terjadi dalam masyarakat pada ketika itu. Hanya sisa tulang tanpa kepala yang dimasukkan.
- ii) Tempayan ini bukanlah dijadikan sebagai wadah pengebumian sebaliknya hanya dijadikan sebagai tanda kubur sahaja, berfungsi seperti batu nisan. Kemungkinan ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh Sirion bin Gapui (mendiang)

kepada pengkaji sebelum ini merujuk kepada fungsi tempayan dalam masyarakat Kadazandusun.



Gambar 12. Tempayan kubur di tapak KT2 yang masih sempurna.

Kubur Tempayan 3 (KT3)

KT3 ini terletak hanya beberapa meter sahaja daripada KT2. Secara relatifnya ia lebih cantik kerana bentuknya yang mempunyai bahagian leher yang panjang, mempunyai 8 telinga di bahagian bahunya dan bersepuh luar dan dalam. Bahagian luarnya telah ditumbuhi *licon* dan mempunyai tanda hiasan dengan motif naga. Bahagian dalamnya lebih bersih tetapi tidak ditemui sebarang tanda sisa rangka manusia kecuali tanah sahaja. Berdasarkan kepada kesan potongan di bahagian tengah badan tempayan, pengebumian ini adalah jenis pengebumian primer.



Gambar 13. Bahagian luar KT3 yang separuh tertanam.



Gambar 14. Bahagian dalam KT3 yang memperlihatkan tanda ia dipotong untuk membolehkan mayat dimasukkan ke dalam tempayan sewaktu pengebumian.

Kubur Tempayan 4 (KT4)

KT4 ini juga hanya terletak beberapa meter daripada KT3 dan masih lagi dalam satu kelompok. Tempayannya 99% tertanam. Hanya bahagian bibir tempayan yang masih kelihatan. Ia dipenuhi dengan air dan keadaan fizikalnya tidak dapat diketahui. Menurut cerita En. Dolius bin Sorudin yang pernah melalui tempat ini bersama 2 orang rakannya sewaktu memburu beberapa tahun lepas, mereka telah dikejar oleh bau mayat sepanjang perjalanan mereka hanya kerana cuba membersihkan tempayan tersebut. Tidak dapat dikenal pasti sama ada pengebumian tempayan tersebut menggunakan kaedah primer ataupun sekunder kerana pengkaji juga tidak menyentuhnya.



Gambar 15. Tempayan kubur yang hampir keseluruhannya tertanam.

Kubur Tempayan 5 (KT5)

Kubur ini terletak agak jauh daripada kelompok KT1-KT4 pada jarak 150 m dan berada di rabung bukit yang lain. Walau bagaimanapun ia masih lagi dalam kawasan Kampung Bundu Gulu. Ciri-ciri fizikalnya juga berbeza daripada yang lain. Tidak mempunyai bahagian leher tetapi mempunyai 6

telinga di bahagian bahunya. Sebahagian besar permukaan luar tempayan ini bersepuh kecuali di bahagian kaki dan mempunyai corak seperti buah labu. Saiznya juga agak besar iaitu 54 cm diameter di bahagian bahunya. Seperti tempayan kubur yang lain, tempayan ini juga dipotong di bahagian kakinya. Bermakna bahawa kubur ini merupakan jenis pengebumian primer. Sewaktu tinjauan lapangan oleh pengkaji, tempayan ini telahpun teralih daripada kedudukan asal kerana bahagian dasarnya masih melekat pada tanah pokok yang tumbang 2 meter di sebelahnya. Berdasarkan kepada bahagian kaki tempayan yang terdedah itu menunjukkan bahawa bahagian dalam tempayan disepuh atau dicat dengan cara yang paling ringkas sekali.



Gambar 16. Tempayan separuh bersepuh yang bercorak jalur di tapak KT5.



Gambar 17. Bahagian dasar tempayan KT5 yang masih tertanam.

Kubur Tempayan 6 (KT6) – Kampung Rungus, Tamparuli

Kubur tempayan di tapak ini berada di sebelah kampung Bundu Gulu iaitu di Kampung Rungus lebih kurang 6 km jaraknya tetapi masih dalam daerah yang sama. Menurut En. Dowod bin Sorinon, pada asalnya terdapat 2 buah kubur tempayan di tempat ini tetapi pada hari ini hanya tinggal satu sahaja yang masih kelihatan sementara sebuah lagi tidak dijumpai. Tempayan ini masih dalam keadaan sempurna kecuali bahagian dasarnya yang telah ditebuk. Walau bagaimanapun seperti kebanyakan kubur tempayan yang lain, tidak dijumpai sebarang sisa rangka manusia di dalamnya.



Gambar 18: Tempayan bersama informan di tapak KT6 Kg. Rungus, Tamparuli.

Tempayan kubur ini dijumpai di kawasan perkuburan lama di Kampung Rungus dan dijumpai ketika sebahagian kawasan perkuburan terbakar pada musim kemarau tahun 2016. Pada asalnya sebahagian besar tempayan ini tertanam tetapi kemudiannya terhakis dan pada hari ini hanya tertanam sedalam beberapa sentimeter sahaja. Daripada segi ciri-ciri fizikalnya, tempayan ini mempunyai ketinggian 70 cm dari paras tanah dan diameter bahunya ialah 56 cm. Mempunyai 8 telinga di bahagian bahunya serta bermotif naga di bahagian tengah badannya. Tempayan seperti ini menyerupai tempayan yang berasal dari Vietnam pada abad ke-18 (Harrison, B. 1994) dan wujud dalam masyarakat tempatan sebagai objek budaya yang berharga.

Perbincangan

Kebudayaan dan tradisi megalitik serta pengebumian tempayan merupakan sinonim kepada masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak khususnya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Daerah Tuaran. Walau bagaimanapun bukan semua perkampungan masyarakat Kadazandusun mempunyai tinggalan budaya megalitik dan kubur tempayan. Hanya kampung lama yang tertentu sahaja yang mempunyai tinggalan seperti ini. Oleh itu mungkin jika dibuat penelitian yang lebih lanjut dan komprehensif di kawasan ini, terdapat lebih banyak tinggalan arkeologi yang boleh ditemui. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa kemungkinan seperti berikut:

- I) Penutur bahasa Kadazandusun mempunyai beberapa sub-kelompok. Antaranya ialah kelompok Bundu-Liwan. Sehingga ke hari ini masih belum diketahui dari manakah asal-usul penutur ini. Meskipun mereka dihubungkan dengan petempatan awal Orang Kadazandusun di Nunuk Ragang dalam Daerah Ranau tetapi tidak ada tanda-tanda jelas yang menunjukkan bahawa kawasan tersebut merupakan petempatan kuno setakat ini.

Hanya ada 3 buah kampung sahaja yang diawali dengan nama “bundu “iaitu Bundu Gulu (Binjai yang terdahulu), Bundu Tohuri (Binjai yang kemudian) dan Bundu Tuhan (Binjai yang telah runtuh). Bundu dalam bahasa Kadazandusun merujuk kepada pokok binjai yang manis. Jika berdasarkan kepada nama dan kesan tinggalan arkeologi yang ada di Kampung Bundu Gulu menunjukkan bahawa asal penutur bahasa Kadazandusun dari kelompok Bundu-Liwan adalah dari Kampung Bundu Gulu. Pada hari ini, kelompok penutur ini telah tersebar secara meluas ke hampir keseluruhan Sabah yang didiami oleh orang Kadazandusun seperti di Daerah Tuaran, Ranau, Kota Belud, Tambunan dan Keningau.

- II) Jika dilihat daripada segi lokasi penemuan tapak baharu ini, ia terletak di kawasan tanah tinggi melebihi 500 m dari paras laut. Malah terdapat juga tapak megalitik yang berada pada ketinggian 860 m dari paras laut iaitu tapak TM5. Ia berada di hulu Sungai Damit iaitu cabang utama kepada Sungai Tuaran. Pada tahun 2016, penyelidik telah membuat penjelajahan di hulu Sungai Tuaran dan mendapati bahawa kawasan tersebut juga mempunyai tinggalan megalitik dan kubur tempayan. Di bahagian hilir iaitu kawasan lembah Sungai Damit ini seperti di Kampung Topokoon dan Kampung Wangkod, turut dijumpai tinggalan pengebumian tempayan. Ini menunjukkan bahawa daerah Tuaran ini mempunyai tinggalan budaya kuno yang banyak terutamanya budaya megalitik dan kubur tempayan. Bezanya ialah Kampung Bundu Gulu mewakili kawasan tanah tinggi dan Topokoon serta Wangkod mewakili kawasan lembah. Namun daripada segi kecenderungan jenis megalitik adalah sama iaitu jenis menhir begitu juga dengan amalan pengebumian tempayan yang masih terikat dengan jenis pengebumian primer dan sekunder.

Jika dibandingkan dengan jenis megalitik yang terdapat di kawasan lain di Sabah seperti di kawasan lembah di Penampang, Papar dan Tambunan, ia adalah sama iaitu jenis menhir dan tidak mempunyai banyak dekorasi. Tetapi jika dibandingkan dengan objek megalitik di kawasan tanah tinggi di Tenom, ada perbezaannya. Ini adalah kerana objek megalitik di Tenom seperti di Bukit Lamuyu, Ulu Tomani mempunyai ukiran dan daripada jenis batu gambar. Objek megalitik di kawasan tersebut lebih mirip dengan objek megalitik yang terdapat di sempadan Sabah dan Sarawak seperti di Long Pasia dan Long Semadoh. Oleh yang demikian pengkaji berpandangan bahawa tinggalan megalitik di bahagian selatan Sabah bermula dari Tenom dimiliki oleh satu kelompok masyarakat Borneo yang berbeza dengan kelompok masyarakat yang mendiami kawasan tengah dan utara Sabah bermula dari Keningau hinggalah ke Kota Belud.

- III) Daripada segi fungsi objek megalitik yang terdapat di Kampung Bundu Gulu ini, ia seakan-akan terbatas kepada fungsi sebagai pelindung sahaja. Ini berdasarkan kepada kedudukannya yang ditanam di bahagian laluan utama masuk ke kampung. Bermakna objek megalitik tersebut ditugaskan sebagai penghalang sebarang anasir tidak baik terutamanya penyakit dan semangat jahat daripada memasuki kampung. Melainkan tapak TM5 yang berfungsi sebagai pengajaran kepada sebahagian adat dan pantang larang dalam masyarakat.

Kesimpulan

Sabah mempunyai tinggalan budaya dan tradisi yang banyak. Walau bagaimanapun, kajian yang amat sedikit menjadikan pengetahuan kita terhadapnya sangat kurang. Masih banyak tapak arkeologi yang belum dibuat penelitian. Sehingga kini, para ahli arkeologi lebih tertumpu kepada kajian zaman prasejarah khususnya zaman paleolitik yang berusia sehingga ratusan ribu tahun daripada tinggalan arkeologi yang mungkin hanya dua atau tiga ribu tahun sahaja, atau mungkin hanya beberapa ratus tahun sahaja. Adalah tidak mustahil suatu hari nanti jika penyelidikan yang lebih komprehensif dapat dijalankan, kita akan menemui beberapa bukti kewujudan politik awal di Sabah yang selama ini hanya pernah disebut dalam rekod seperti politik Cupo oleh Paul Munoz dan juga kerajaan Kinabatangan oleh Amin Sweeney. Adalah menjadi harapan pengkaji agar lebih banyak penelitian terhadap tinggalan budaya megalitik dan pengebumian tempayan serta aspek warisan tidak ketara yang berkaitan dengannya pada masa akan datang.

Rujukan

- Chandran, J. 1978. The Menhir of Sabah. *Pelita*. Kuala Lumpur: Esso Standard Malaya.
- Colman, H. 1992. Of Stones and Totem Poles. *Borneo Travel News*.
- Evans, I.H.N. 1912. Notes on the Religious Beliefs, Superstitions, Ceremonies and Taboo of the Dusun of the Tuaran and Tempasuk Districts, British North Borneo. *Journal of the Royal Anthropological Institute of Great Britain and Ireland* 42: 380-396.
- Evans, I.H.N. 1953. *The Religion of the Tempasuk Dusuns*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Harrison, B. 1994. *PUSAKA Heirloom Jars of Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Insing, F. 1971. Batu Bajau Legend. *Customs and Legends of Sabah*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Keith, H.G. 1947. Megalithic Remains of North Borneo. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society* 20(1): 153-155.
- Lind, R.A., 1991. The Batu Sumpah of Keningau. *Daily Express*. 1st December.
- Phelan, Peter R. 1994. *The Magang Ceremony and Head Hunting*. Kota Kinabalu: Sabah Museum.
- Phelan, Peter R. 1997. *Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo Yayasan Sabah.
- Pung Chen Choon, 1978. Batu Hidup. *The Borneo Bulletin*. 26th August.
- Regis, P. 1974. Ancient Stones Inspired Trespassers with Fear. *The Borneo Bulletin*. 2nd July.
- Sabah Times. 1964. Federal Minister Unveils Oath Stones in Keningau. *Sabah Times*. 3rd September.
- The Borneo Bulletin. 1978. Marker Stones-or Dynamos? *The Borneo Bulletin*. 30th September.

Yunus Sauman @ Sabin (PhD)
 Pensyarah Kanan
 Jabatan Sejarah
 Fakulti Sains Kemanusiaan
 UPSI, Tanjong Malim, Perak
 Email: yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my

Adnan Jusoh (PhD)
 Prof. Madya
 Jabatan Sejarah
 Fakulti Sains Kemanusiaan
 UPSI, Tanjong Malim, Perak
 Email: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Muhammad Termizi Hasni
 Calon Doktor Falsafah
 Jabatan Sejarah
 Fakulti Sains Kemanusiaan
 UPSI, Tanjong Malim, Perak
 Email: termizi_hasni@yahoo.com

Zuliskandar Ramli (PhD)
 Timbalan Pengarah/Prof. Madya
 Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor
 Email: ziskandar2109@gmail.com